Penang Lawan COVID-19

Amalkan 4P

Penjarakan sosial | Pakai pelitup muka | Pencucian tangan dengan sabun | Perhatikan gejala COVID-19

JULAI 1-15, 2020

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# CEPATKAN PROJEK-PROJEK TEBATAN BANJIR

KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan Ir. Shukri Muslim (kiri sekali) meninjau kerja-kerja pelaksanaan RTB Sungai Nipah di sini baru-baru ini.



Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**KETUA** Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap agar projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang fasa dua yang tergendala sejak 20 tahun lalu dapat dilaksanakan segera demi manfaat rakyat di negeri ini.

Beliau berkata, projek yang menelan kos kira-kira RM150 juta itu amat diperlukan bagi menangani masalah banjir di kawasan Datuk Keramat, Jalan P. Ramlee serta kawasan-kawasan sekitarnya.

"Kita tahu bahawa RTB Sungai Pinang telah 20 tahun dibincangkan namun masih tidak dilaksanakan. Oleh itu, kita harap agar kali ini, pihak perunding yang dilantik dapat mengemas kini cadangan reka bentuk untuk dimuktamadkan sebelum pelaksanaan tender.

"Pelan cadangan projek yang dikemukakan bagi projek ini adalah untuk mencari satu penyelesaian holistik bagi lembangan Sungai Pinang.

"Justeru, bagi pakej pertama RM150 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) ini diharap dapat dimulakan dengan segera kerana satu lembangan mungkin membabitkan kos hampir RM600 juta. Oleh itu, ia perlu dilaksanakan mengikut fasa," katanya semasa mengadakan lawatan ke lembangan Sungai Pinang di sini pada 6 Jun lalu.

Turut serta, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo; Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim; ADUN Batu Lancang, Ong Ah Teong; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang; Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N. Rayer serta Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang, Ir. Shukri Muslim.

Mengulas lanjut, Kon Yeow berkata bahawa Sungai Pinang merupakan sistem sungai terbesar di bahagian pulau dan mempunyai lima anak sungai yang mengalir dari Bukit Bendera dan Air Itam sehingga ke Jelutong.

"Oleh kerana Sungai Pinang perlu menerima air dari lima anak sungai, maka ia tidak mampu menampung air yang banyak.

"Jadi beberapa cadangan kita adalah bertujuan untuk memastikan air dari Bukit Bendera dan Air Itam dapat dialirkan ke kawasan-kawasan lain," ujarnya.

Selain RTB Sungai Pinang, Kon Yeow dan delegasi turut melawat beberapa projek tebatan banjir lain di Bayan Baru dan Batu Maung.

Kon Yeow memberitahu bahawa Kerajaan Negeri turut mengarahkan JPS untuk memastikan projek-projek tebatan banjir berimpak tinggi yang dilaksanakan pada 2018 dapat disiapkan dengan kadar segera bagi mengurangkan risiko banjir di beberapa kawasan di negeri ini.

"Projek-projek ini dilaksanakan dengan peruntukan Kerajaan Negeri sebanyak RM150 juta untuk menangani masalah banjir kilat di enam kawasan hitam di negeri ini.

"Justeru, saya juga berharap agar JPS akan mengenal pasti projek-projek yang perlu dilaksanakan pada masa depan dan memohon peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan serta negeri," ulasnya.



RUPA bentuk rumah pam RTB Sungai Nipah dekat Taman Iping.

Dalam pada itu, Zairil menjelaskan bahawa projek RTB Sungai Nipah dekat Taman Iping yang menelan kos kira-kira RM15.23 juta kini telah 69 peratus siap.

"Menariknya, projek ini mempunyai dua rumah pam yang akan dibina di samping penaiktarafan sistem dalaman.

"Sekiranya projek ini siap, ia bakal mengurangkan 70 peratus risiko banjir di kawasan-kawasan terlibat," jelasnya.

Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan yang juga ADUN Batu Maung, Dato' Abdul Halim Hussain turut menyertai lawatan tersebut.

# Kekal zon hijau, makmal diagnostik di PIA

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**



**ABDUL Razak Jaafar menunjukkan pelan makmal diagnostik COVID-19 yang dibangunkan di PIA.**

**BAGI** meningkatkan keupayaan melakukan ujian saringan COVID-19 di pintu-pintu masuk utama negeri, Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengambil langkah proaktif dengan membangunkan sebuah makmal diagnostik COVID-19 di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA).

Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Dato' Abdul Razak Jaafar ketika ditemui berkata, matlamat membangunkan makmal ujian sampel saringan dan pengesanan COVID-19 di PIA adalah bagi memastikan Pulau Pinang kekal sebagai zon hijau sekaligus membantu Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) meningkatkan kapasiti ujian saringan harian.

"Semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dilaksanakan, Kerajaan Persekutuan melalui Majlis Keselamatan Negara (MKN) hanya membenarkan satu pintu masuk antarabangsa dibuka iaitu di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

"(Dan) apabila Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dilaksanakan, pintu-pintu masuk antarabangsa yang lain (di negeri-negeri) turut dibenarkan dibuka seperti di Pulau Pinang dan Kuching (Sarawak) dengan syarat (penumpang yang tiba) perlu menjalani ujian saringan.

"Oleh itu, kita (Kerajaan Negeri Pulau Pinang) mengambil tindakan segera dan proaktif dengan mengadakan perbincangan bersama-sama pihak pengurusan lapangan terbang, imigresen serta JKNPP untuk melihat bagaimana proses saringan ini dapat dipercepatkan.

"Hal ini bermakna, individu di bawah pengawasan (PUS) dapat segera dibenarkan pulang dan menjalani kuarantin selama 14 hari di rumah masing-masing tanpa perlu ke pusat kuarantin seperti sebelum ini," ujarnya ketika ditemu bual secara eksklusif oleh Buletin Mutiara dekat pejabatnya di Komtar 26 Jun lalu

Menurut Abdul Razak, buat masa ini kapasiti pengambilan sampel di PIA adalah sebanyak 150 ujian saringan sehari berbanding sebelum ini hanya 70 ujian saringan sehari sebagaimana dilaporkan sebuah portal dalam talian berbahasa Inggeris pada 13 Jun lalu.

"Dari segi tempoh masa menunggu juga dapat disingkatkan bukan seperti sebelum ini mengambil masa dua hingga tiga jam yang mana sampel diambil perlu dihantar ke hospital atau klinik berkaitan untuk didiagnos (sampel) secara klinikal dan keputusan mengambil masa selama sejam.

"Dari segi kapasiti anggota kesihatan, sememangnya sentiasa mencukupi cuma perlu ada sebuah makmal sementara di lapangan terbang bagi menjalankan diagnosis seperti cadangan pengubahsuaian dikemukakan JKNPP kepada Kerajaan Negeri," jelasnya yang turut memuji komitmen pimpinan tertinggi Kerajaan Negeri dalam menjaga keselamatan serta kesihatan rakyat di Pulau Pinang.

Tambah beliau, dari segi keperluan peralatan, komponen terpenting yang perlu ada di makmal diagnostik tersebut adalah kabinet keselamatan biologi.

"Kabinet keselamatan biologi ini penting untuk menjalankan ujian ke atas sampel yang diambil.

"Satu lagi komponen yang perlu adalah kebuk khas saringan (bagi pengambilan sampel) dan kesemua ini (termasuk penyediaan komponen peralatan serta ubah suai) dianggarkan menelan kos sebanyak RM174,100 yang ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang," katanya.

Ditanya mengenai status kerja-kerja membangunkan makmal diagnostik COVID-19 itu, Abdul Razak memaklumkan bahawa ia giat dilaksanakan kini.

"Kita (Kerajaan Negeri) menjangkakan dalam tempoh dua minggu atau pertengahan bulan Julai 2020, makmal tersebut akan siap dan sedia untuk beroperasi di PIA.

"(Dan) dengan adanya makmal ini, mungkin pada masa hadapan kapasiti ujian saringan dapat ditingkatkan dua kali ganda bagi membolehkan lebih ramai lagi rakyat Malaysia khasnya Pulau Pinang untuk kembali ke tanah air," responnya.

Sebagai rekod, maklum Abdul Razak, kapasiti penumpang warganegara Malaysia yang tiba di PIA sehingga kini tidak melebihi kapasiti ujian saringan sehari iaitu antara 60 hingga 90 orang sehari.

Ketika menjawab pertanyaan Buletin Mutiara sama ada pembangunan makmal diagnostik COVID-19 di dalam bangunan lapangan terbang antarabangsa tersebut merupakan yang pertama seumpamanya di Malaysia, Abdul Razak percaya Pulau Pinang merupakan negeri pertama yang mengambil inisiatif mewujudkan makmal berkenaan bagi memastikan negeri ini kekal sebagai zon Hijau.

"Paling utama adalah Pulau Pinang sentiasa bersedia dalam mengorak langkah seiring dengan SOP (tatacara operasi standard) yang ditetapkan," ulasnya.

Mengulas mengenai rahsia kejayaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam 'perang' melawan penularan wabak COVID-19, Abdul Razak memberitahu bahawa kunci utama ada jalinan kerjasama dan komitmen Kerajaan Negeri bersama-sama agensi Kerajaan Persekutuan dan masyarakat.

"Pulau Pinang telah mencapai zon Hijau (sejak 8 Mei lalu) dan pastinya kita mahu mengekalkannya begitu.

"Saya percaya '*secret recipe*' adalah komitmen semua pihak, daripada Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan kita sebagai anggota masyarakat.

"Malah, saya turut memuji pendekatan yang diambil oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Tuan Chow Kon Yeow) kita dalam mendepani pandemik ini.

"Sejak awal lagi beliau (Ketua Menteri) banyak membantu agensi Kerajaan Persekutuan seperti JKNPP, polis dan lain-lain barisan hadapan…dari segi pemberian pelitup muka, cecair sanitasi tangan, kelengkapan-kelengkapan lain serta wang ringgit.

"Begitu juga sokongan daripada badan bukan kerajaan (NGO) di negeri ini yang turut sama-sama menghulurkan bantuan bagi memastikan Pulau Pinang sedia menghadapi cabaran COVID-19.

"(Dan) satu lagi, apabila Kerajaan Persekutuan melalui MKN mengumumkan sesuatu SOP, Kerajaan Negeri akan mengambil inisiatif meneliti dengan terperinci dahulu sebelum melaksanakan di negeri ini, kerana setiap negeri adalah berbeza persekitarannya.

"Saya berharap kita akan menang dalam 'perang' melawan COVID-19," zahirnya penuh semangat.

Penang Lawan COVID-19!




Oleh: **AZMI HUSSIN**

# Kapasiti 70 peratus air akhir tahun, pembenihan awan perlu diteruskan



KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan Ir. Jaseni Maidinsa (tengah) merakam gambar berlatarbelakangkan Empangan Air Itam bersempena lawatan khas di sini baru-baru ini.

Gambar : **ALISSALA THIAN**

**AIR ITAM –** Lebih banyak operasi pembenihan awan perlu dilakukan selepas ia berjaya dilaksanakan pada Mei lalu, yang mana telah berjaya meningkatkan kapasiti air di tiga empangan negeri.

Tiga empangan berkaitan ialah Empangan Mengkuang, Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Dato' Ir. Jaseni Maidinsa memberitahu bahawa operasi pembenihan awan pada Mei lalu mencapai hasil yang baik di Empangan Air Itam, Mengkuang dan negeri Kedah, tetapi memerlukan penambahbaikan di Empangan Teluk Bahang.

"Kapasiti air di Empangan Air Itam meningkat 12 peratus, Empangan Mengkuang sebanyak 7.9 peratus manakala Empangan Teluk Bahang hanya 2.5 peratus.

"Kita perlu meneruskan inisiatif ini kerana kita telah kenal pasti bahawa ada awan pada bulan Jun. Oleh itu, ini adalah peluang untuk kita meneruskan pembenihan awan kerana dijangka cuaca kering pada bulan Julai serta Ogos.

"Dalam pada itu, PBAPP juga bersedia untuk menghadapi musim kering tahun depan dan semua empangan mesti mempunyai sekurang-kurangnya 70 peratus kapasiti air pada akhir tahun ini.

"Simpanan air di Empangan Mengkuang menunjukkan pencapaian hasil terbaik setakat ini dengan mencatatkan 74.7 peratus.

"Itulah sebabnya kita perlu menumpukan usaha untuk meningkatkan kapasiti air di Empangan Teluk Bahang," katanya ketika memberi taklimat kepada Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow bersempena lawatan beliau ke Empangan Air Itam di sini 27 Mei lalu.

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Joseph Ng Soon Siang serta Ahli Parlimen Bukit Bendera, Wong Hon Wai.

Difahamkan, bacaan kapasiti air yang dicatatkan di dua empangan Pulau Pinang lain setakat 27 Mei lalu adalah 44.4 peratus di Air Itam dan Teluk Bahang (22.9 peratus).

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan rasa gembira kerana berlaku penurunan hujan baru-baru ini yang telah membantu meningkatkan paras air di Empangan Beris dan Empangan Muda di Kedah.

"Ini adalah sumber air yang strategik bagi Pulau Pinang, malah Kerajaan Negeri juga meneliti saranan PBAPP agar memperbanyakkan lagi operasi pembenihan awan supaya kapasiti air di semua empangan dapat ditingkatkan hingga 70 peratus pada akhir tahun ini.

"Kita tidak menyasarkan kapasiti 70 peratus pada tahun lalu kerana Empangan Air Itam telah mencatatkan 65 peratus, Empangan Teluk Bahang (41 peratus) dan Empangan Mengkuang (74 peratus)," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Kon Yeow turut menyambut baik keputusan Kerajaan Negeri Kedah untuk tidak mencadangkan pemberian konsesi pembalakan baharu di negeri berkenaan.

Menurut beliau, kawasan tadahan air Ulu Muda diwartakan oleh mantan Menteri Besar Kedah sebelum ini, Datuk Seri Mukhriz Mahathir dan kontrak pembalakan juga telah dibatalkan.

"Ini akan memastikan kawasan tadahan Ulu Muda terus menyalurkan air ke Perlis, Kedah dan Pulau Pinang yang memberikan kesejahteraan kepada lebih 4 juta orang, industri serta aktiviti komersial di wilayah utara.

"Justeru, Kerajaan Negeri berharap agar Ulu Muda terus diwartakan sebagai kawasan tadahan air untuk wilayah utara," serunya.

Mengenai projek Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS), Kon Yeow menyatakan bahawa Kerajaan Negeri akan terus menyelesaikan perkara tersebut.

"YB Zairil (Khir Johari) ditugaskan untuk berkomunikasi dengan pihak berkuasa yang relevan untuk rundingan lebih lanjut sementara ahli parlimen (MP) kita juga pasti akan membangkitkan masalah ini di Parlimen," katanya sambil menambah bahawa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri mesti bekerjasama untuk melaksanakan perkara itu.

# Jaminan bekalan makanan, hasrat bincang status tanah Ara Kuda

**PERMATANG BERANGAN -** Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang berhasrat untuk berbincang dengan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) berhubung sebidang tanah milik agensi Persekutuan tersebut, yang ketika ini diusahakan oleh beberapa pertubuhan koperasi sebagai tapak pertanian sementara negeri.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pentadbirannya sedar mengenai peri penting memperkukuhkan lagi sektor jaminan makanan negeri, terutama selepas negara dilanda pandemik COVID-19.

"Khususnya dalam tempoh penularan COVID-19, kesedaran tentang betapa penting keselamatan bekalan makan *(food security)* adalah amat penting.

"Kalau tidak ada jaminan tanah (untuk tujuan pertanian), kita tidak ada jaminan makanan.

"(Justeru,) kita (Kerajaan Negeri) harap akan bincang dengan PERDA untuk lihat apakah rancangan pembangunan mereka di atas tanah ini," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi ketika melawat kawasan pertanian dekat Ara Kuda di sini pada 27 Mei 2020.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng yang juga Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri; Pegawai Penyelaras Khas Ketua Menteri, Lay Hock Peng dan Pengarah Pertanian Negeri, Mohd. Muhaimin Ibrahim turut sertai lawatan tersebut.

Sebelum itu, wakil koperasi setempat meminta Kon Yeow mencadangkan kepada PERDA supaya memanjangkan tempoh pajakan tanah pertanian di sini melebihi enam bulan.

# Pulau Pinang terus jadi pilihan Bosch

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Syarikat kejuruteraan gergasi dari Jerman, *Robert Bosch* (Bosch) memilih Pulau Pinang sebagai lokasi untuk membangunkan pusat kemudahan ujian komponen semikonduktor automotif dan sensor terbaharunya.

Kemudahan baharu tersebut akan dibangunkan di atas tapak berkeluasan 100,000 meter persegi di Taman Perindustrian Batu Kawan dekat Seberang Perai Selatan (SPS).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pembangunan kemudahan tersebut dijadualkan bermula pada tahun 2021 dengan jangkaan pengeluaran siri pertama pada 2023.

"Dijangkakan kira-kira 400 pekerja akan mula bekerja di kemudahan baharu tersebut," ujar beliau ketika mengumumkan perkembangan terbaharu dalam industri pembuatan Pulau Pinang pada sidang media yang disiarkan secara langsung menerusi *Facebook @ChowKonYeow* di sini 3 Jun lalu.

Menurut Kon Yeow, kemudahan baharu itu akan memfokuskan terhadap pengujian akhir komponen yang dihasilkan di fasiliti *Bosch Automotive Electronics,* Dresden di Jerman.

"Ia juga akan menempatkan kemudahan penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta pusat latihan.

"Pulau Pinang juga menjadi 'rumah' kepada tiga lokasi pembuatan Bosch sedia ada termasuk pejabat penyelidikan dan pembangunan sejak 1972.

"Bagi Bosch, pembangunan ini adalah bilangan kemudahan pembuatan terbesar dalam sebuah negara di Asia Tenggara.

"(Dan) Kerajaan Negeri sangat berbesar hati kerana dapat mengeratkan lagi hubungan dengan Bosch, salah satu daripada lapan pelopor utama yang merangka perjalanan perindustrian Pulau Pinang sejak lima dekad lepas," katanya.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan bahawa Bosch kini menghasilkan sistem multimedia, alat kuasa dan komponen automotif di Pulau Pinang serta mempunyai lebih 4,500 pekerja di negeri ini kini.

"Keputusan strategik Bosch untuk terus melabur di Pulau Pinang adalah sangat bermakna terutama ketika pandemik COVID-19 sedang melanda.

"Pelaburan terbaharu Bosch ini membuktikan keyakinan syarikat terbabit terhadap teknologi dan ekosistem masa depan Pulau Pinang yang lestari.

"Saya berharap dapat melihat Pulau Pinang meningkatkan penyertaannya dalam teknologi terkini automotif melalui pelaburan strategik ini.

"(Dan) agensi-agensi negeri termasuk *investPenang* (iP) serta Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) akan terus memberikan sokongan penuh terhadap perkembangan terbaru ini," ulasnya sambil menzahirkan penghargaan kepada para pemain industri yang terus menyokong pembangunan industri di negeri ini.

Dalam pada itu, Kon Yeow, yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi turut berkongsi perjalanan pelaburan Pulau Pinang pada tahun 2019.

"Tahun 2019 adalah tahun yang penuh aksi bagi Pulau Pinang.

"Jumlah pelaburan pembuatan yang diluluskan mencapai tahap tertinggi dengan rekod aliran masuk pelaburan baharu dan pelaburan semula yang tinggi.

"Pulau Pinang berjaya mencatatkan sejumlah RM16.9 bilion pelaburan pembuatan yang diluluskan pada tahun 2019 iaitu meningkat 192 peratus dari tahun ke tahun.

"(Dan) mencatatkan lebih daripada dua kali ganda purata bagi 10 tahun sebanyak RM8 bilion," jelasnya.

Berdasarkan rekod Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) yang dikongsi beliau, Pulau Pinang berjaya mengumpulkan 166 projek pembuatan pada tahun 2019 dan diharapkan dapat mewujudkan 18,886 peluang pekerjaan baharu.

"Industri pembuatan elektrik dan elektronik (E&E), peralatan perubatan dan peralatan perindustrian secara kolektif merangkumi 87 peratus daripada jumlah pelaburan pembuatan Pulau Pinang pada 2019.

"Malah, Pulau Pinang juga menyumbang sebanyak 20 peratus daripada jumlah pelaburan Malaysia dan aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) berjumlah RM15 bilion menjadikan negeri ini sebagai destinasi pilihan FDI utama negara, iaitu merangkumi 28 peratus daripada jumlah FDI Malaysia.

"Dalam pada itu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada MIDA, agensi yang menerajui promosi pelaburan serta *investPenang* (iP) yang bekerjasama erat menarik pelaburan bernilai tinggi ke negeri ini.

"(Dan) Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan terus bekerjasama dengan MIDA dalam tempoh yang luar biasa ini untuk menarik pelaburan berkualiti tinggi ke Malaysia dan juga Pulau Pinang," katanya.

# GBS@Mahsuri dijadual beroperasi suku terakhir

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**PANTAI JEREJAK –** Kemudahan Perkhidmatan Perniagaan Global (GBS) baharu iaitu GBS@Mahsuri yang terletak bersebelahan ibu pejabat Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dijadualkan beroperasi pada suku terakhir tahun ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa kemudahan GBS adalah salah satu subkluster yang mempunyai daya tarikan di Pulau Pinang selain kekuatan pembangunan ekonomi negeri bersandarkan kepada kelompok industri elektrik dan elektronik (E&E).

"Bangunan bernilai RM17.8 juta ini adalah ruang pejabat MSC (Koridor Raya Multimedia) *Cyber Center Tier One*.

"Secara dasarnya, sektor GBS ini bukan sahaja semakin berpengaruh dalam negara, bahkan juga di Asia Pasifik serta seluruh dunia.

"Ini kerana, selain ekosistem perniagaan dan infrastruktur, pelabur bergantung kepada bakat manusia dan… itulah yang ditawar serta disediakan oleh Pulau Pinang kepada kelompok pelabur.

"Kita (Pulau Pinang) sentiasa memantau keadaan pasaran agar ia berkembang seiring dengan industri di negeri ini, PDC selaku agensi pembangunan negeri juga akan mengkaji trend pasaran untuk melihat sekiranya ada keperluan untuk kemudahan GBS tambahan di lokasi lain," ujarnya sambil menyatakan bahawa kewujudan fasiliti baharu oleh para pelabur membuka lembaran peluang pekerjaan buat warga negeri.

Kon Yeow berkata demikian ketika mengadakan lawatan ke fasiliti GBS@Mahsuri yang kini dalam fasa pembinaan dan dijangka siap sepenuhnya pada September tahun ini di sini pada 30 Mei lalu.

Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain; Dato' Mohd. Bazid Abdul Kahar (Pengurus Besar PDC); Goh Choon Aik (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Bukit Tambun); Dato' Ar. Yew Tung Seang (Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang, MBPP) dan Dato' Ir. Yeoh Lean Huat (Timbalan Pengurus Besar PDC) turut hadir sama.

Mohd. Bazid pada lawatan tersebut memberitahu bahawa bangunan dua tingkat GBS@Mahsuri yang berkeluasan 80,000 kaki persegi (kp) tersebut telah disewa sepenuhnya.

Jelas beliau, mengikut jadual pembangunan GBS@Mahsuri, ia seharusnya selesai pada April lalu, namun disebabkan Perintah Kawalan Pergerak (PKP) di seluruh negara pembinaan tersebut terpaksa ditangguhkan.

"Kita (PDC) gembira kerana ruang fasiliti ini telah dipenuhi oleh penyewa dan ini membuktikan bahawa permintaan untuk industri GBS di Pulau Pinang sememangnya positif.

"Projek ini merupakan satu lagi sumbangan PDC terhadap pertumbuhan industri di negeri ini," jelasnya.

# Komuniti PPR Desa Wawasan, pertama terima kontrak pembersihan

**PADANG LALANG –** Komuniti Projek Perumahan Rakyat (PPR) Desa Wawasan melakar sejarah apabila menjadi komuniti PPR pertama dianugerahkan kontrak pembersihan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa kontrak bernilai RM210,692 itu adalah bagi kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan berkaitan selama setahun mulai 1 Jun 2020 sehingga 31 Mei 2021.

"Ini merupakan kali pertama kontrak pembersihan diberikan kepada komuniti PPR kerana biasanya kita menganugerahkan kontrak ini kepada syarikat kontraktor daripada luar.

"Sebab utama kita anugerahkan kontrak ini kepada komuniti PPR Desa Wawasan adalah kerana penduduk di sini telah menunjukkan contoh yang sangat baik daripada segi penjagaan kebersihan persekitaran.

"Justeru, kami bercadang untuk menjadikan PPR Desa Wawasan sebagai contoh kepada PPR lain di negeri ini dan seterusnya mengubah persepsi negatif dalam kalangan masyarakat mengenai tahap kebersihan di projek perumahan kos rendah.

"(Dan) sekiranya penduduk PPR Desa Wawasan berjaya melaksanakan kerja-kerja pembersihan maka Kerajaan Negeri akan meneruskan inisiatif ini pada tahun-tahun berikutnya," katanya pada Majlis Penyerahan Kontrak Pembersihan Kepada Jawatankuasa Komuniti PPR Desa Wawasan di sini 31 Mei lalu.

Turut hadir, Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Ong Bee Leng serta Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Perumahan) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, 'Ainul Fadhilah Samsudi.

Dalam pada itu, Chong Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang memberitahu bahawa penganugerahan kontrak kepada komuniti Desa Wawasan dilaksanakan melalui kerjasama antara Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan PWDC di bawah program Bajet Penyertaan Rakyat dan Responsif Gender (GRPB).

"Melalui GRPB, objektif utama adalah untuk memenuhi keperluan penduduk PPR Desa Wawasan melalui penglibatan masyarakat di sini demi meningkatkan kualiti hidup mereka.

"Malah, penganugerahan kontrak ini juga dapat memberi peluang pekerjaan kepada penduduk kawasan berkaitan di samping menjaga kebersihan persekitaran kerana mereka sendiri yang akan melakukan kerja-kerja pembersihan.

"Bagi tujuan ini, persatuan penduduk telah melantik 11 pekerja yang terdiri daripada penduduk di sini. Oleh itu, saya berharap agar langkah ini dapat menanam rasa tanggungjawab dalam diri penduduk di sini untuk menjaga tempat tinggal mereka," ulasnya.

Dalam perkembangan lain, Jagdeep yang juga ADUN Datuk Keramat memaklumkan bahawa kerja-kerja pengecatan semula PPR Desa Wawasan yang dimulakan pada Jun tahun lepas telah siap kira-kira 94 peratus.

"Kerja-kerja pengecatan semula yang menelan belanja kira-kira RM1.62 juta diharap dapat diselesaikan sepenuhnya dalam dua minggu akan datang," ujarnya.

Serentak itu, beliau juga memberitahu bahawa Kerajaan Negeri telah membelanjakan RM250.3 juta sejak 2008 hingga kini bagi kerja-kerja penyelenggaraan serta penambahbaikan melibatkan perumahan awam, perumahan di bawah seliaan kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) dan projek perumahan swasta yang layak.

"Antara projek-projek penyelenggaraan yang dilaksanakan adalah termasuk pengecatan semula, penggantian lif, pembaikan bumbung, penggantian pagar, pendawaian, paip air serta banyak lagi.

"Ini menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri dalam penyediaan infrastruktur perumahan yang lebih kondusif serta selesa untuk kesejahteraan rakyat," katanya.

Sementara itu, beliau turut memaklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan RM20.76 juta kepada Pulau Pinang untuk kerja-kerja penyelenggaraan di perumahan awam dan swasta bagi tahun ini.

"Peruntukan disalurkan melalui tiga program utama iaitu Program Penyelenggaraan Perumahan (PPP) yang melibatkan 11 projek dengan kos RM9.5 juta, Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) melibatkan 12 projek bernilai RM5.5 juta dan Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM).

"Di bawah TPPM, lebih daripada RM2.4 juta diperuntukkan untuk 10 projek di bawah Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan lebih RM3.3 juta diperuntukkan untuk 19 projek di bawah MBSP," jelasnya.



**JAGDEEP Singh Deo (dua dari kanan), Chong Eng (dua dari kiri) bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri merakam gambar kenangan dengan wakil berkaitan pada majlis penyerahan kontrak pembersihan kepada Jawatankuasa Komuniti PPR Desa Wawasan di sini baru-baru ini.**



# Pembukaan taman rekreasi, pengunjung diseru patuhi SOP

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ALVIE CHENG**

**KEBUN BUNGA -** Taman Bandaraya atau dikenali juga sebagai Taman Belia dan Taman Botani menjadi antara lokasi rekreasi awam yang dibuka semula pada 6 Jun 2020 untuk kegunaan orang awam secara 'bersyarat' sejak ianya ditutup pada 18 Mac lalu ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow ketika mengadakan lawatan ke dua taman tersebut menyambut baik pembukaan semula itu terutamanya bagi memudahkan orang ramai melakukan aktiviti riadah secara selamat.

"Sebagai usaha bersama memutuskan rantaian perebakan wabak pandemik COVID-19, orang ramai harus terus mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan.

"Kesihatan dan keselamatan orang ramai tetap manjadi keutamaan Kerajaan Negeri terutamanya untuk terus mengekalkan status Pulau Pinang sebagai negeri Hijau," ujarnya di sini pada sesi lawatan yang diadakan pada hari berkaitan (6 Jun 2020).

Hadir sama, Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga, Jason Ong Khan Lee; Ahli Parlimen Bukit Bendera, Wong Hon Wai dan Datuk Bandar bagi MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang.

Antara kawasan rekreasi dan riadah lain di bawah seliaan MBPP dan Kerajaan Negeri yang dibuka semula secara bersyarat mulai tarikh sama termasuk kawasan mendaki Bukit Jambul, Taman Metropolitan Relau, laluan warisan mendaki ke Bukit Bendera dan laluan jip ke Bukit Bendera untuk pejalan kaki.

Pengoperasian kawasan berkaitan adalah bermula dari jam 7 pagi hingga 7 petang.

Dalam perkembangan lain, Kon Yeow yang juga ADUN Padang Kota menyambut baik Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang diumumkan Perdana Menteri pada 5 Jun lalu.

Menurut beliau, sebagai Kerajaan Negeri, pihaknya senantiasa menantikan pengumuman perkara-perkara penting oleh Kerajaan Pusat.

"Apa yang penting sekarang adalah kebenaran semula kepada rakyat untuk kembali mengoperasikan sektor perniagaan agar dapat menjana pendapatan.

"Umumnya, bantuan-bantuan yang diumumkan kerajaan tetap mempunyai had tertentu untuk membantu rakyat.

"Dengan kebenaran pengoperasian semula sektor perniagaan, maka pendapatan rakyat juga dapat dipulihkan," ulasnya yang juga Ahli Parlimen Tanjong.


KUNJUNGAN Ketua Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri ke Taman Bandaraya di sini baru-baru ini.


SALAH seorang pengunjung mengimbas aplikasi pengesanan kontak, PGCare sebelum dibenarkan memasuki Taman Bandaraya apabila ia dibuka semula pada 6 Jun 2020 untuk kegunaan orang awam secara 'bersyarat'.

## 'Pelancongan bertanggungjawab' pastikan Pulau Pinang terbaik untuk dikunjungi

**GEORGE TOWN –** Destinasi tarikan pelancongan di negeri ini sedia dibuka semula dengan pelaksanaan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat.

Persatuan Tarikan Pelancong Pulau Pinang (ATAP) menyambut baik pengumuman Kerajaan Persekutuan yang melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) sejak 10 Jun lalu.

Pengerusinya, Ch'ng Huck Theng memuji langkah berkenaan yang mana pelbagai sektor di negara ini dapat dibuka secara beransur-ansur.

"Kami gembira dengan pengumuman tersebut yang mana kami sentiasa bersedia untuk beroperasi semula setelah berbulan-bulan membuat persiapan, dan sangat yakin bahawa 60 anggota ATAP akan mematuhi SOP ditetapkan.

"Adalah menjadi keperluan untuk segera membenarkan kawasan-kawasan pelancongan di Pulau Pinang beroperasi kerana sektor perkhidmatan merupakan punca pendapatan penting kepada negeri ini.

"Serentak itu, kami (ATAP) memahami usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan keselamatan semua pihak semua,'' katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Setiausaha ATAP Joseph Goh dan Bendahari ATAP, Allen Tan.

Dalam pada itu, Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan, Yeoh Soon Hin yang turut hadir menyatakan bahawa para pemain industri pelancongan kini telah bersiap-sedia untuk membuka semula perniagaan masing-masing.

Beliau percaya bahawa mereka adalah golongan profesional dan akan mengikuti SOP dengan tegas.

"Mereka semua mampu memastikan SOP dipatuhi," katanya.

Tambah Soon Hin, Kerajaan Negeri juga akan mempromosikan konsep 'pelancongan bertanggungjawab' selepas industri pelancongan domestik dibuka semula.

"Pulau Pinang mungkin merupakan destinasi pertama yang melaksanakan konsep 'pelancongan bertanggungjawab' untuk disepadukan dalam industri pelancongan pada waktu pandemik ini.

"Konsep tersebut memerlukan pengendali, pengusaha hotel, agensi kerajaan, masyarakat setempat dan pelancong untuk mengambil tanggungjawab bagi memastikan industri pelancongan kekal mampan," katanya sambil menambah bahawa ia adalah usaha menjadikan destinasi pelancongan di negeri ini yang terbaik untuk dikunjungi.



YEOH Soon Hin (kanan sekali) bergambar bersama-sama wakil-wakil ATAP pada sidang media di sini baru-baru ini.

## Manfaatkan portal carian kerjaya PYDC

**GEORGE TOWN -** Bertemakan *'We Want You'* (Kami Mahukan Anda), *Penang Youth Development Corporation* (PYDC) melancarkan portal carian kerjaya serta padanan majikan-pekerja, *pydc.com.my* pada 6 Jun lalu.

Ketika berucap, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu bahawa inisiatif itu sememangnya ditunggu-tunggu memandangkan pandemik COVID-19 telah mengakibatkan begitu ramai anak muda hilang pendapatan tetap.

"Memang ada laporan mengenai sektor-sektor (perniagaan) yang terkesan, pekerja-pekerja mungkin hilang peluang pekerjaan.

"Ini kerana, syarikat perlu mengambil tindakan untuk mengurangkan kos dengan pengurangan jumlah pekerja dan sebagainya ekoran daripada suasana ekonomi yang terkesan.

"Maka, platform ini boleh menjadi saluran untuk mendapatkan pekerjaan baru," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong ketika merasmikan acara pelancaran portal carian kerjaya tersebut di ibu pejabat PYDC dekat sini pada 6 Jun 2020.

Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee yang juga ADUN Bagan Jermal; Pengurus Besar PYDC, Dr. Gwee Sai Ling turut sertai majlis pelancaran tersebut.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) UWC Berhad, Datuk Ng; Timbalan CEO Kumpulan UWC, Martin Ng; Pengarah Kolej IVC, Datuk Seri Mohd. Noor Hisham; Pengarah Urusan Easyway Solution, Harid; Pengurus Operasi Easyway Solution, K. Balasingam; Pengurus Operasi Careman Security, Redzuan Wan Teh; CEO Profesional Tools and Dies, Datuk Steve Lee; Setiausaha Eksekutif Profesional Tools and Dies, Ch'ng dan wakil *Teleperformance*, Gan.

Difahamkan, mereka adalah antara majikan yang berkolaborasi dengan PYDC dalam menyediakan platform carian kerjaya khusus untuk muda-mudi yang sedang mencari pekerjaan sepadan.

Jabatan Perangkaan Malaysia pada 14 Mei 2020 antara lain mendedahkan kadar pengangguran di Malaysia adalah di paras 3.9 peratus atau sekitar 610,000 orang pada bulan Mac 2020.

Malah, difahamkan bahawa kadar pengangguran dijangka akan meningkat kepada 5.5 peratus atau lebih 860,000 orang penganggur untuk keseluruhan tahun 2020.

# Penolakan pinjaman rumah, Pusat digesa teliti

Teks & Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**DATUK KERAMAT** – Kerja-kerja penggantian lif dan dan pendawaian di Blok L, M dan N Taman Free School dijangka bermula pada September ini.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa kerja-kerja penggantian lif di skim perumahan selian Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) berkaitan dijangka menelan kos RM2 juta manakala bagi pendawaian (RM1.6 juta).

"Lif yang sedia ada mampu memuatkan maksimum hanya empat orang pada satu-satu masa berbanding enam unit lif baharu bersaiz lebih besar dan mampu memuatkan seramai enam orang (pada satu masa).

"Langkah ini boleh membantu meningkatkan jumlah penduduk yang dapat menggunakan lif pada satu-satu masa (12 orang berbanding empat orang sekarang) di samping dapat mengurangkan masa menunggu.

"Sejak tahun 2008 sehingga tahun 2021, MBPP dianggar membelanjakan jumlah keseluruhan sebanyak hampir RM9.22 juta bagi penyelenggaraan Skim Perumahan Awam MBPP di Taman Free School demi kebaikan serta keselesaan semua penghuni di sini," ujarnya pada sidang media dekat Taman Free School di sini 6 Jun lalu.

Hadir sama, Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N. Rayer; Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Nicholas Theng Jie Wey serta Pengarah Jabatan Kejuruteraan MBPP, Ir. A. Rajendran.

Dalam perkembangan lain, Jagdeep menyeru Kerajaan Persekutuan supaya memberikan keutamaan kepada masalah yang dihadapi oleh pembeli skim perumahan pertama terutamanya melibatkan kos rendah dan kos sederhana rendah.

Ini adalah berikutan pengumuman Kerajaan Pusat baru-baru ini mengenai pengecualian duti setem ke atas surat cara pindah milik serta perjanjian pinjaman bagi pembelian rumah kediaman bernilai antara RM300,000 hingga RM2.5 juta yang terhad kepada RM1 juta pertama untuk nilai rumah kediaman manakala duti setem sepenuhnya diberikan ke atas perjanjian pinjaman.

"Persoalannya sekarang dalam permasalahan ekonomi akibat COVID-19 ini, Kerajaan (Pusat) perlu melihat permasalahan bagi pembelian rumah pertama meliputi kos rendah dan sederhana rendah yang mesti diberi keutamaan.

"Seperkara lagi, kita akan terus-menerus menggesa Kerajaan Pusat untuk meneliti isu penolakan pinjaman oleh pihak bank bagi memudahkan pemilikan rumah kali pertama," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Sejurus sidang media, Jagdeep turut menyampaikan pek barangan keperluan harian kepada penduduk setempat yang terjejas akibat pandemik COVID-19 melalui pertubuhan bukan kerajaan (NGO).



**JAGDEEP Singh Deo (dua dari kanan) bersama-sama R.S.N. Rayer (dua dari kiri), Nicholas Theng Jie Wey (kiri sekali) dan Ir. A. Rajendran (kanan sekali) menunjukkan dokumen berkaitan dengan berlatarbelakangkan Blok M Taman Free School di sini baru-baru ini.**

# Pengurangan harga siling RMM demi rangsang ekonomi negeri

**GEORGE TOWN** - Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo mengumumkan bahawa harga siling semua jenis Rumah Mampu Milik (RMM) di Pulau Pinang akan dikurangkan 10 peratus bagi tempoh setahun bermula 10 Jun 2020.

Justeru, beliau berharap polisi baru tersebut bukan sahaja bakal membantu pembeli pertama RMM bagi memiliki unit kediaman selesa masing-masing, bahkan turut merangsang teras ekonomi negeri terutama sektor hartanah yang terjejas dek pandemik COVID-19.

"Kita tidak akan bertolak ansur dalam memastikan rakyat Pulau Pinang dapat mengakses RMM, maka sebab itulah kita kurangkan 10 peratus siling harga RMM ini.

"Kita (Kerajaan Negeri) pun tidak tahu bila akan habis pandemik ini, tapi kita harap (polisi baru RMM negeri) ini dapat jana ekonomi untuk bangkit semula.

"Projek-projek baru termasuk yang belum dapat lagi APDL (Lesen Permit Pengiklanan Pembangunan) untuk dijual kepada rakyat, semuanya terjejas.

"Unit RMM hanya boleh dijual apabila telah mendapat APDL, maka, secara teknikal, 10 peratus ini mula diberikan bermula daripada tarikh perolehan APDL," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat pada sidang media di sini 11 Jun 2020.

Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Perumahan) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, 'Ainul Fadhilah Samsudi dan Ketua Penolong Setiausaha (Seksyen Dasar & Pembangunan) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Fakhurrazi Ibnu Omar turut sertai sidang media tersebut.

Menurut Jagdeep, polisi baru RMM berkenaan diumumkan setelah mendapat pelbagai maklum balas daripada Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Swasta (REHDA) Pulau Pinang; Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) Negeri Pulau Pinang; Dewan Perniagaan Cina Pulau Pinang (PCCC) serta beberapa lagi pemegang taruh dalam kalangan rakyat di negeri ini.

"Kita (Kerajaan Negeri Pulau Pinang) perlu merangsangkan sektor (perumahan) ini.

"Apabila sektor hartanah ini kembali aktif, ia akan membawa manfaat serta kesan kepada kira-kira 140 sektor lain dalam ekonomi negeri," ulasnya.

Selepas pengurangan 10 peratus siling harga RMM, Jagdeep menjelaskan bahawa koridor harga seunit rumah antara RM150,000 hingga RM300,000 akan berada pada harga antara RM135,000 hingga 270,000.

Begitu juga RMM di bahagian Seberang Perai, beliau menyatakan bahawa koridor harga seunit rumah antara harga RM150,000 hingga RM250,000 akan turun pada kadar antara RM135,000 hingga RM225,000.

"Selain itu, kita (Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang) akan terus kekalkan harga (rumah) kos rendah dan sederhana rendah pada (siling harga) RM42,000 serta RM72,500, berbanding dengan beberapa negeri lain yang telahpun meningkatkan kos kepada RM60,000 serta RM100,000," katanya.

Di samping itu, beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Proses Pemilihan Perumahan (SPEC) memberitahu bahawa Kerajaan Negeri hari ini mensasarkan Pulau Pinang mempunyai bekalan 180,000 unit kediaman menjelang tahun 2030, demi memenuhi permintaan rakyat.

"Sehingga hari ini, sebanyak 105,719 unit RMM pelbagai kategori berada dalam radar pemantauan saya, meliputi 30,191 unit yang telah siap dibina, 24,098 unit dalam proses pembinaan dan 51,432 unit lagi dalam (proses) perancangan atau Kebenaran Merancang," maklumnya.

Menjawab soalan pemberita selepas itu, Jagdeep berkata bahawa Pulau Pinang merupakan satu-satunya negeri yang berjaya menurunkan kadar semasa unit rumah tidak terjual *(overhang)*.

"Berdasarkan analisis daripada data NAPIC (Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia) bagi tahun 2017 hingga sukuan pertama 2020 (Q1 2020), Pulau Pinang menunjukkan penurunan yang signifikan dan konsisten iaitu sebanyak -22.3 peratus berbanding Johor (+24.9 peratus), Perak (+116.1 peratus) dan Selangor (+30.5 peratus)," responsnya.

Dalam perkembangan lain, Jagdeep turut berkongsi data kumulatif berhubung tahap pematuhan penduduk Pulau Pinang bagi tempoh 85 hari sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac lalu.

"Sehingga 8 Jun, daripada 160,571 premis (komersial) yang diperiksa oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) serta 250,662 (unit premis komersial) yang diperiksa oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), angka peratusan pematuhan masing-masing adalah 99.65 peratus dan 99.21 peratus...hampir 100 peratus.

"Perang kita terhadap COVID-19 masih belum selesai walaupun sekarang kita berada dalam PKPP atau Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (10 Jun hingga 31 Ogos 2020).

"Selagi kita belum jumpa vaksin, kita tidak boleh hidup selesa, mesti terus patuhi segala SOP (tatacara operasi standard) dengan amal normal baru seperti jarak sosial, pakai pelitup muka dan sentiasa basuh tangan dengan sabun," serunya.

Serentak itu, Jagdeep turut merakamkan penghargaan kepada seluruh penduduk Pulau Pinang atas usaha mengekalkan Pulau Pinang sebagai 'negeri Hijau'.

# Segerakan RTB Parit 4 dan Parit 5

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALVIE CHENG**

**BUKIT TENGAH** - Kerajaan Negeri menggesa Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang supaya mempercepatkan penyempurnaan projek-projek tebatan banjir berimpak tinggi di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, ia termasuk dua projek tebatan banjir yang sedang dijalankan iaitu Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Parit 4 dan RTB Parit 5 yang terletak di Juru, Bukit Mertajam.

"Kedua-dua projek ini bertujuan untuk membendung sekaligus menyelesaikan masalah banjir yang sering berlaku di kawasan Taman Sri Rambai serta kawasan lain sekitar Juru.

"Kawasan sekitar ini merupakan skim kediaman lama yang terletak di lokasi rendah.

"Kedua-dua projek berimpak tinggi ini bermula pada tahun 2017 dan 2018 iaitu ketika saya masih lagi menjadi Exco Kerajaan Negeri untuk portfolio tebatan banjir.

"Oleh itu, saya berharap kedua-dua projek ini dapat disempurnakan dalam waktu yang ditetapkan iaitu menjelang hujung tahun ini bagi mengurangkan impak banjir di kawasan perumahan di sini," tegasnya kepada Buletin Mutiara pada sesi lawatan ke lokasi projek dekat sini 27 Mei lalu.

Turut sama, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tengah, Gooi Hsiao-Leung; ADUN Padang Lalang, Chong Eng yang juga Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam; Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani dan Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud.

Dalam pada itu, Timbalan Pengarah JPS Negeri, Ooi Soon Lee yang ditemui sejurus lawatan tersebut memberitahu bahawa ketika ini, projek RTB Parit 4 telah mencapai tahap penyempurnaan 75 peratus manakala RTB Parit 5, 84 peratus.

"Pihak kami (JPS) yakin dapat menyempurnakan kedua-dua projek ini mengikut jadual yang ditetapkan," katanya.



KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menerima taklimat daripada pihak JPS negeri berhubung projek RTB Parit 4 dan RTB Parit 5 bersempena lawatan khas di sini baru-baru ini.

Sebagai rekod, pada Mac 2018, projek RTB Parit 4 yang bernilai RM17 juta dimulakan merangkumi pembinaan rumah pam baharu, perangkap sampah serta menaik taraf longkang serta struktur di sepanjang hiliran sungai.

Manakala bagi projek RTB Parit 5 melibatkan kos RM13.5 juta dan kerja-kerja mitigasi adalah termasuk pembinaan rumah pam baharu sebagai tambahan kepada rumah pam sedia ada, membina jambatan akses, jambatan jalan air dan menaik taraf saliran air serta sungai.

# Nelayan pesisir pantai terima bantuan tunai Pakej 2.0

**SUNGAI DUA** – Seramai 4,413 nelayan berlesen, awak-awak dan nelayan tanpa lesen menerima bantuan wang tunai RM400 menerusi Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 2.0 yang diumumkan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow pada Mei lalu.

Bantuan disampaikan oleh Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Norlela Ariffin dekat Dewan Sungai Dua dan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti Permatang Damar Laut pada 5 Jun lalu.

Norlela berkata, setakat ini sebanyak RM1,765,200 telah diagihkan secara *one-off* kepada nelayan-nelayan yang layak melalui dua siri pembayaran iaitu pada 21 hingga 22 Mei (Siri 1) dan 4 hingga 5 Jun (Siri 2).

"Bagi Siri 1, seramai 619 nelayan berlesen menerima bantuan khas secara tunai berjumlah RM247,600, manakala 3,001 lagi dikreditkan ke akaun bank mereka melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) membabitkan RM1,200,400.

"Ia menjadikan jumlah keseluruhan nelayan menerima bantuan khas ini bagi Siri 1 adalah seramai 3,620 nelayan dengan jumlah RM1,448,000 yang diagihkan serentak dekat Dewan Sungai Dua serta Dewan Gerakan Masyarakat, Kg. Masjid, Teluk Kumbar.



DR. Norlela Ariffin (kanan) menyerahkan sumbangan kepada salah seorang penerima pada majlis yang diadakan di sini baru-baru ini.

"Bagi agihan Siri 2 pula, ia membabitkan seramai 793 nelayan iaitu 546 nelayan menerima bantuan secara tunai manakala 337 lagi menerusi akaun bank masing-masing membabitkan jumlah peruntukan RM317,200.

"Sehingga kini masih ada seramai 205 nelayan yang belum menuntut bantuan ini," ujarnya lanjut.

Terdahulu, Kerajaan Negeri mengumumkan Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 2.0 berjumlah RM76 juta membabitkan 20 inisiatif bantuan kewangan kepada golongan paling terkesan akibat pandemik COVID-19.

Salah satu daripada 20 inisiatif itu adalah bantuan RM400 secara *one-off* kepada 5,814 nelayan pesisir pantai Zon A membabitkan peruntukan berjumlah RM2,256,000.



SEBAHAGIAN penerima menunjukkan sumbangan yang diterima.



# COVID-19, ZPP agih RM 15 juta

**PANDEMIK** COVID-19 yang melanda tanah air ini termasuk Pulau Pinang telah menggamit pelbagai pihak, baik Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri untuk membela semua sektor rakyat yang terjejas dek pelaksanan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Zakat Pulau Pinang (ZPP) sebagai milik penuh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) turut tidak ketinggalan membantu umat Islam yang terjejas daripada segi pendapatan.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) ZPP, **AMRAN HAZALI** memberitahu bahawa sehingga Mei lepas, jumlah asnaf yang dibantu meningkat hampir sekali ganda, kira-kira 20,000 orang berbanding 10,000 bagi tempoh sama pada tahun 2019.

Menurut beliau, melalui Timbalan Ketua Menteri I merangkap Yang di-Pertua MAINPP, Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah negeri pertama yang mengumumkan Pakej Bantuan Khas Zakat, berbanding negeri-negeri lain.

"18 Mac, PKP diumumkan, 19 Mac kita (ZPP) dah umumkan pakej bantuan khas zakat.

"Pada ketika itu, Pulau Pinang adalah negeri pertama yang mengumumkan pakej bantuan khas zakat.

"Jadi, semua perbelanjaan ZPP sehingga bulan Mei ini adalah melibatkan hampir RM15 juta kepada penduduk Pulau Pinang dalam kalangan orang Islam yang terkesan, ekoran pandemik COVID-19 ini.

"Jumlah yang dibelanjakan ZPP ini boleh dikatakan besar berbanding institusi seumpamanya di negeri-negeri lain," jelasnya ketika dibicarawara oleh wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** di Ibu Pejabat ZPP dekat Bandar Perda, Seberang Jaya baru-baru ini.

Menurut Amran, Pakej Bantuan Khas Zakat adalah terdiri daripada dua fasa - Fasa Satu dan Fasa Dua.

### RM500 Kepada Penjaja Kecil, Peniaga Tepi Jalan, Pemandu E-Panggilan, Pemandu Teksi, Rakyat Makan Gaji Harian

Beliau memberitahu bahawa Fasa Satu adalah melibatkan peruntukan sebanyak RM3 juta, dengan jangkaan 6,000 penjaja kecil serta peniaga tepi jalan sama ada berlesen atau tidak berlesen akan mendapat manfaat dalam bentuk insentif kewangan langsung ke akaun bank masing-masing.

"Ketika pelaksanaan Fasa Satu ini, sambutan begitu menggalakkan sehingga sistem permohonan secara dalam talian yang ZPP sediakan hampir tergendala.

"Sebab, ketika PKP ini, ZPP menyediakan sistem permohonan dalam talian secara sepenuhnya, dengan segala dokumen serta bukti perlu diimbas dan dimuat naik dalam pengkalan data permohonan ZPP.

"Ketika PKP ini juga, ZPP sedaya-upaya mengurangkan karenah birokrasi, serta lebih bersikap fleksibel, tempoh memproses permohonan pun dipercepatkan, meliputi mereka yang ada lesen niaga ataupun tidak.

"Selepas seminggu dibuka permohonan ini, rupa-rupanya jumlah pemohon yang layak adalah lebih daripada jangkaan awam ZPP.

"ZPP mendapati bahawa masih ada lagi golongan yang terjejas ketika pelaksanaan PKP, seperti pemandu kenderaan e-panggilan, pemandu teksi dan pekerja-pekerja yang makan gaji harian.

"Tiga golongan ini adalah antara kelompok yang terjejas teruk ketika PKP tetapi tercicir daripada mendapat manfaat melalui fasa pertama Pakej Bantuan Khas Zakat.

"Dalam Fasa Satu, wang sejumlah RM500 disalurkan secara langsung dalam akaun bank pemohon manakala Fasa Dua Pakej Bantuan Khas Zakat juga adalah seperti fasa satu," jelasnya sambil memberitahu ZPP ada tanggungjawab yang begitu signifikan untuk bersama-sama Kerajaan Negeri dalam membantu orang Islam yang terjejas dek COVID-19 di Pulau Pinang.



AMRAN Hazali (kanan sekali) bersama-sama Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (tengah) pada salah satu majlis sidang media yang diadakan baru-baru ini.

### RM300,000 Untuk Kerja Nyah Kuman Di Masjid Dan Surau

Selain itu, Amran menyatakan bahawa ZPP turut mengagihkan RM500 untuk inisiatif nyah kuman di semua masjid dekat negeri ini, selain RM300 untuk tiap-tiap surau yang berdaftar di bawah MAINPP.

"Kerja nyah kuman ini adalah meliputi semua masjid di Pulau Pinang kerana jawatankuasa kariah masjid dan surau memang memerlukan dana berkaitan.

"ZPP sekadar membantu meringankan beban kewangan dengan memberi RM500 untuk masjid dan RM300 untuk surau, iaitu dengan mengambil kira Kerajaan Negeri juga ada menyalurkan bantuan hampir sama untuk pihak-pihak yang terlibat," ujarnya.

### RM652,000 Atau RM500 Seorang Kepada 'Asatizah', Guru Agama, Guru Takmir

Mengulas lanjut, Amran berkata bahawa Fasa Dua Pakej Bantuan Khas Zakat dilaksanakan kira-kira seminggu selepas pelaksanaan Fasa Satu, dengan memperluaskan lagi bantuan kepada kelompok umat Islam lain yang terjejas ketika PKP.

"Ketika Fasa Dua ini juga, ZPP turut membantu daripada segi insentif kewangan kepada para Ustaz dan Ustazah serta guru-guru agama, guru-guru takmir yang mengajar di masjid dan surau asalkan mereka berdaftar dengan MAINPP, dengan perbelanjaan sebanyak RM652,000 atau RM500 seorang.

"Untuk Fasa Satu Pakej Bantuan Khas Zakat, ZPP telah membelanjakan hampir RM2.1 juta, manakala kira-kira RM1.72 juta lagi dibelanjakan untuk Fasa Dua.

"Jadi, ZPP setakat ini dah belanja hampir RM4 juta walaupun peruntukan kira-kira RM6 juta," ulasnya.

### RM1.11 Juta Bantuan Kecemasan Anak-Anak Kariah

Tidak cukup dengan itu, ketika pelaksanan Fasa Dua, menurut Amran, ZPP meminta Jawatankuasa Kariah Masjid supaya mengemukakan nama-nama anak kariah yang mengalami kehidupan kritikal akibat pandemik COVID-19 berkenaan.

"ZPP menyalurkan bantuan sebanyak RM100 untuk satu keluarga," katanya.

### RM31,800 Pek Bantuan Makanan Asasi

Selain RM100 Bantuan Kecemasan Anak-Anak Kariah, tambah Amran, ZPP turut membuka talian khas untuk mendapatkan pelaporan masyarakat Islam yang terjejas daripada segi barang-barang keperluan dapur.

"Setiap hari, ZPP menghantar pek bekalan makanan asasi kepada keluarga yang terjejas dengan perbelanjaan sebanyak RM31,800, semuanya dibekalkan oleh Zakat Mart.

"Selain itu, ZPP turut menyalurkan bantuan kepada masyarakat Rohingya melalui tiga badan bukan kerajaan (NGO) yang dikenal pasti, dengan perbelanjaan kira-kira RM30,000 atau RM50 untuk 600 keluarga," jelasnya.

### Bantuan Sara Hidup Bulanan Asnaf Dipercepatkan

Di samping itu, Amran memberitahu bahawa ZPP turut mempercepatkan Bantuan Sara Hidup Bulanan Fakir Miskin yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM2.63 juta.

"(Turut dipercepatkan,) RM300,030 bantuan bekalan makanan bulanan yang boleh dituntut (oleh asnaf) di 33 kedai terpilih dengan menggunakan kad pengenalan sahaja," ujarnya sambil menyatakan bahawa kehidupan setengah masyarakat Islam ketika menghadapi COVID-19 adalah kian mencabar terutamanya semasa menempuhi bulan Ramadan.

### RM2.16 Juta Untuk Nur Ramadan, RM4.08 Juta Saguhati Aidilfitri

Oleh itu, ulas Amran, ZPP melalui program Nur Ramadan, menyumbangkan RM700 setiap keluarga dengan melibatkan peruntukan kepada 3,148 pihak iaitu perbelanjaan sebanyak RM2.16 juta.

"Itu, belum termasuk Saguhati Raya dengan perbelanjaan RM4.08 juta yang melibatkan 9,000 keluarga.

"Jadi, semua perbelanjaan ZPP sehingga bulan Mei ini adalah melibatkan hampir RM15 juta kepada penduduk Pulau Pinang dalam kalangan orang Islam yang terkesan ekoran pandemik COVID-19 ini," katanya.

Tambah Amran, ZPP melalui Bengkel Jahitan Asnaf

*(Sambungan di muka 9).*

(Sambungan dari muka 8).

# kurang beban golongan terkesan

dekat Tasek Gelugor turut mengambil bahagian menyediakan peralatan pelindungan diri (PPE) untuk barisan utama di hospital-hospital kerajaan di negeri ini.

"Sebelum ini, beberapa pusat jahitan ini pernah beroperasi menjahit pakaian-pakaian sekolah untuk ZPP agih kepada anak-anak daripada keluarga asnaf.

"Apabila COVID-19 berlaku, kita tukar operasi pusat jahitan kita, untuk bantu menjahit PPE untuk hospital-hospital," katanya.

## Persediaan ZPP Ketika PKPP

Pada 7 Jun lepas, Perdana Menteri mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) iaitu mulai 10 Jun hingga 31 Ogos depan.

Sementara menunggu pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow mengumumkan Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang berikutnya, Amran turut berkongsi mengenai proses persediaan ZPP sendiri dalam menyediakan Fasa Tiga Pakej Bantuan Khas Zakat.

Beliau menyatakan bahawa Pakej Ketiga yang bakal diumumkan oleh Ahmad Zakiyuddin yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri dan Perhubungan Masyarakat kemungkinan meliputi segala kekangan kewangan didepani ZPP, selain realiti masyarakat Islam yang terus terjejas dalam tempoh PKPP ini.

"Jumlah keseluruhan hampir RM15 juta yang dibelanjakan ZPP setakat ini boleh dikatakan besar berbanding institusi seumpamanya di negeri-negeri lain.

"Perbelanjaan yang besar ini bukan disebabkan kutipan zakat di Pulau Pinang ini adalah yang tertinggi, tetapi disebabkan ZPP merasakan memang wajar membantu masyarakat Islam yang terjejas.

"Inipun, ZPP sedang membuat persiapan untuk membantu masyarakat Islam pasca PKPB (Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat sehingga 9 Jun 2020) dengan mengambil kira realiti orang Islam yang ada dibuang kerja, yang dijangka selepas Aidilfitri sekarang.

"Jadi, ZPP akan berbelanja lagi untuk tempoh pasca PKP ini, sebab banyak hotel yang melibatkan pekerja-pekerja Islam dikatakan akan tutup operasi.

"Itu, belum ambil mereka orang Islam yang diberhentikan kerja di kilang-kilang serta pekerja-pekerja swasta lain.

"Mereka, memang berpendapatan tetap secara bulanan, tetapi apabila ekonomi merosot, ada yang terpaksa diberhentikan kerja.

"Maka, ZPP berasa terpanggil untuk membantu dalam mengurangkan beban mereka, bantuan mungkin dalam satu dua bulan sebelum mereka dapat memperbaiki kembali kedudukan sumber pendapatan isu rumah mereka," ulasnya lagi.

## COVID-19 'Sangat Di Luar Jangkaan Semua Pihak'

Amran berulang-ulang kali memberitahu mesej yang sama, iaitu pandemik COVID-19 ini adalah 'sangat di luar jangka semua pihak', baik Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri hatta ZPP sendiri.

"Alhamdulillah, setiap tahun sumber kutipan zakat kita diagihkan sehingga 90 peratus, biasanya 10 peratus itu kita tak akan dapat agihkan dalam tahun yang sama.

"Contoh, jumlah keseluruhan kutipan zakat fitrah dan zakat perniagaan untuk tahun 2019 adalah RM121 juta, yang telah diagihkan RM111 juta. Baki RM10 juta lagi ZPP bawa ke tahun 2020.

"Dengan lebihan baki RM10 juta ini, juga lebihan duit rizab ZPP lain yang dikumpulkan sebelum ini digunakan untuk melaksanakan Pakej Bantuan Khas Zakat ini," katanya.

Menyedari segala kekangan dalam bentuk sumber kutipan zakat yang dijangka merosot akibat COVID-19, Amran berkata bahawa ZPP akan berusaha sebaik mungkin untuk mengagihkan sumber kutipan semasa yang ada untuk membela masyarakat Islam yang terjejas.

"Mendepani pandemik COVID-19 ini, ZPP menjangkakan jumlah agihan akan meningkat secara mendadak.

"Ini, berdasarkan data suku tahun kedua ini (Q2 2020), jumlah asnaf meningkat sekali ganda berbanding kadar peningkatan tahunan semasa biasa.

"Sehingga kini, ZPP telah membantu hampir 20,000 asnaf berbanding tempoh yang sama (Januari hingga Jun 2019) hanya 20,000 sahaja.

"Aspek kutipan zakat pula, sehingga bulan April 2020, jumlah angka merosot sebanyak RM5.1 juta berbanding tempoh sama pada tahun 2019.

"Maksudnya, ketika pandemik COVID-19 ini membayangkan bahawa bilangan masyarakat Islam tidak ada duit nak bayar zakat semakin bertambah, pada masa yang sama jumlah pemohon bantuan khas zakat akan meningkat," ujarnya.

## ZPP Optimis Demi Membantu Umat Islam Pulau Pinang

Dalam pada itu, Amran sangat optimis ZPP mampu memainkan peranan lebih penting untuk membela masyarakat Islam yang terjejas dek pandemik COVID-19, kalau melihat kepada kepercayaan para pembayar fitrah serta pembayar zakat perniagaan yang begitu tinggi pada 'institusi umat Islam negeri Pulau Pinang' tersebut.

"Jumlah kutipan zakat fitrah bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM5.06 juta, tahun 2020, kita jangka akan merosot melibatkan kira-kira 700 pembayar, dengan satu kadar sahaja RM7.

"Namun, dengan dua kadar iaitu RM7 dan RM16, tanpa ambil kira impak pandemik COVID-19 ini, mungkin juga jumlah kutipan zakat fitrah akan meningkat.

"Apabila berlaku pandemik COVID-19, kalau ZPP berjaya mengutip zakat fitrah sebanyak yang berjaya dikutip pada tahun 2019 pun, itu sudah 'besar rahmat'.

"Sebab itu, kita galakkan pembayar zakat fitrah ataupun zakat perniagaan membuat pembayaran secara dalam talian, kerana ZPP nak patuhi prosedur operasi standard (SOP) PKP seperti jarak sosial dan sebagainya.

"ZPP optimus lagi kerana masih ada syarikat-syarikat perniagaan yang tidak dapat membayar zakat perniagaan kerana mempunyai kekangan masing-masing, termasuk hal aliran tunai, ketika menghadapi COVID-19 ini, pasca pandemik nanti akan menyerahkan zakat perniagaan mereka kepada ZPP.

"ZPP yakin selepas PKPB ini, apabila operasi perniagaan mereka kembali seperti biasa, banyak syarikat akan tampil membayar zakat perniagaan mereka," katanya.

## Kesimpulan

Justeru, Amran memberitahu bahawa pasca COVID-19 ini, ZPP harap kedudukan kewangan iaitu hasil kutipan zakat semasa akan pulih kembali.

"Kita tiada sumber lain, zakat yang kita kutip ini merupakan satu-satunya sumber yang kita ada untuk diagihkan kembali demi membantu orang-orang Islam.

"Namun, pada masa sama, kita (ZPP) tidak boleh elak adalah jumlah agihan zakat pada tahun ini dijangka akan meningkat berlipat kali ganda juga kerana ramai lagi orang Islam mesti dibantui, selain impak berantai daripada pandemik COVID-19 masih menjejaskan para peneroka Pakej Bantuan Khas Zakat ZPP," jelasnya mengakhiri sesi wawancara berkaitan.




# Jambatan Valdor sambungkan kawasan industri baharu

Gambar : **LAW SUUN TING**




**ILUSTRASI pelaksanaan projek berkaitan.**

**BUKIT TAMBUN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu bahawa projek pemajuan jambatan Valdor yang menyambungkan kawasan industri baharu di sini dengan kawasan industri Batu Kawan dijangka serta dibuka pada Julai ini.

Justeru, beliau yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi berharap usaha agensi negeri berkenaan dapat menjadikan Batu Kawan serta kawasan di sekitarnya sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negeri pada masa depan.

"Ini merupakan usaha Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dalam melengkapkan kemudahan infrastruktur di Bandar Cassia Batu Kawan sebagai sebuah pusat pertubuhan sosio-ekonomi negeri Pulau Pinang yang penting," jelasnya ketika mengadakan lawatan kerja dekat tapak pemajuan di sini pada 30 Mei 2020.

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik; Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud dan Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), Yazman Yahya.

Kon Yeow yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong memberitahu bahawa ketika ini PDC turut melaksanakan beberapa projek infrastruktur lain seperti kerja-kerja pelebaran jambatan serta jalan raya di Bandar Cassia, Batu Kawan.

Selain itu, menurut beliau, PDC sedang giat melakukan perancangan serta projek pembangunan bercampur meliputi sektor perumahan, komersial dan institusi di Batu Kawan.



**KETUA Menteri diberi taklimat berhubung pemajuan projek jambatan Valdor yang bakal menyambungkan kawasan industri baharu Bukit Tambun dengan kawasan industri Batu Kawan bersempena lawatan beliau ke tapak projek di sini baru-baru ini.**

"Agensi negeri tersebut akan memperluaskan lagi projek-projek pembangunan industri dekat selatan Batu Kawan, iaitu di Ladang Byram.

"PDC sudah memulakan perancangan memperluaskan lagi kawasan industri Batu Kawan ke bahagian selatan Batu Kawan iaitu di kawasan Ladang Byram, dan kita (Pihak Berkuasa Negeri) akan menjenamakan kawasan ini sebagai Taman Industri Batu Kawan 2 atau BKIP 2 @ Byram.

"Ini menunjukkan bahawa pihak Kerajaan Negeri serta agensi Kerajaan Negeri masih proaktif, dan melihat kepada pandemik COVID-19, adalah diharapkan ia hanya membawa impak sementara dan apabila pulih kelak, PDC sudah siap-sedia untuk menyahut cabaran pada masa depan," ujarnya yang juga Pengerusi PDC.





**RUANG PEJABAT / LOT PEJABAT**
Keluasan Binaan : 630 k.p - 836 k.p
Harga : RM285,000 (min) - RM465,000 (mak)

- LOKASI STRATEGIK BERHAMPIRAN JALAN LIM CHONG EU & JALAN JELUTONG
- PELBAGAI LALUAN AKSES & KEMUDAHAN YANG BERHAMPIRAN DENGAN BALAI POLIS, BANK, HOSPITAL, SEKOLAH, PASARAYA DAN MEDAN SELERA.
- PEMBANGUNAN IKONIK & MERCU TANDA BARU DI PULAU PINANG.



**ASPEN VINTAGE SDN BHD** (1004871-T)
No 64, Jalan Chow Thye, 10050 Georgetown, Penang.
+604 228 1007 / 011 1312 4847
sales3@cosmo-homes.com | www.cosmo-homes.com

Nama projek: Urban Suites@Jelutong · Tarikh dijangka siap: 2021 · Jenis perumahan: Pejabat 42 Tingkat · Pihak berkuasa yang meluluskan: MBPP · No. pelan bangunan: 14/2/17-13/2/2018 · Jumlah unit: 600 unit · Harga Jualan: RM285,000 (min) – RM465,000 (max) · Hak Milik Tanah: Hak Milik Kekal.

# PDC terus teliti peluang baru



MOHD. Bazid Abd. Kahar.

REALITI pandemik COVID-19 yang melanda Pulau Pinang sebenarnya di luar jangkaan semua.

Tidak sesiapa pun tahu bila pandemik ini akan berakhir.

Jadi, bagi Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), **DATO' MOHD. BAZID ABD. KAHAR** sendiri adalah begitu mencabar untuk merombak semula semua pelan strategik pelaburan sedia ada di negeri ini.

"Pandemik COVID-19 ini memang menjejaskan pelaburan negeri, baik melibatkan pelaburan domestik mahupun FDI (pelaburan langsung asing).

"Tapi, kalau dibasndingkan dengan negeri-negeri lain, kita (sektor pelaburan Pulau Pinang) masih di depan.

"Pandemik COVID-19 yang tiada sesiapa duga akan berlaku seolah-olah telah merosakkan pelan strategik PDC sebelum ini.

"Kita (PDC) lihat kenapa pelan strategik sedia ada tidak boleh dilaksanakan, dengan mencari peluang-peluang baharu," jelasnya dalam bicarawara eksklusif bersama-sama wartawan akhbar Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**.

Mohd. Bazid memberitahu bahawa PDC ketika ini mula meneliti semua pelan strategik yang ada serta cuba membuat rombakan dalam dengan mencari peluang baharu dengan mengambil kira realiti pandemik COVID-19.

## Negeri Kecil, FDI 2019 Paling Tinggi

Menurut beliau, sebenarnya pasaran ekonomi dunia sebelum COVID-19 lagi berada dalam keadaan begitu mencabar.

Dengan terjadinya pandemik COVID-19 yang di luar jangkaan ini, ia mempercepatkan lagi keadaan yang kian mencabar untuk Malaysia menyesuaikan diri dengan perubahan pasaran global semasa.

Pun begitu, Mohd. Bazid menyatakan bahawa RM15 bilion pelaburan langsung asing (FDI) bagi sepanjang tahun 2019 yang direkodkan ke Pulau Pinang berada di kedudukan tertinggi.

Justeru, kata beliau, PDC sebagai agensi Kerajaan Negeri yang dipertanggungjawabkan untuk menyediakan infrastruktur pelaburan negeri, seperti Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas, kini melimpah sehingga Taman Perindustrian Batu Kawan, semestinya bangga dengan pencapaian semasa tersebut.

"Bayangkan negeri yang begitu kecil boleh mengatasi FDI Selangor, Sarawak dan Johor.

"Ini, sesuatu pencapaian yang boleh dibanggakan," ulasnya.

## Kesetiaan Pelabur

Mohd. Bazid memberitahu bahawa PDC menjangkakan sektor pelaburan negeri akan terjejas teruk akibat COVID-19, juga disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac lalu.

Namun, jelas beliau, Pulau Pinang seakan ada keistimewaan tersendiri sehingga menambat kuat minat para pelabur asing dan pelabur domestik.

"Contoh, sebelum COVID-19 ini, ada beberapa kilang menunjukkan minat untuk melabur di negeri ini.

"Kami (PDC) ingat akibat COVID-19 ini, mereka akan tarik diri, tapi mereka nampaknya akan teruskan juga hasrat nak melabur di negeri ini (selepas pandemik ini nanti).

"Mungkin Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri akan umum kemasukan pelaburan ini nanti.

"(Kesetiaan) pelaburan ini mungkin petanda yang baik untuk Pulau Pinang.

"Walaupun kita dilanda COVID-19, situasi politik negara berubah-ubah, nampaknya kesetiaan pelabur tidak terjejas teruk, masih ada terhadap Pulau Pinang," ujarnya.

## Bukan Orientasi Keuntungan

Operasi PDC memang secara korporat, tetapi menurut Mohd. Bazid, pentadbirannya bukan berorientasikan keuntungan semata-mata sebagaimana syarikat pemaju swasta lain.

PDC, kata beliau, adalah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) negeri serta mempunyai tanggungjawab yang berat dalam merealisasikan rancangan pembangunan Pulau Pinang serta meningkatkan kualiti hidup penduduk lokal.

"Kalau ditanya kepada saya, projek, saya bukan lihat daripada aspek pembangunan fizikal sahaja, sebaliknya mesti lihat secara insaniah juga.

"Kalau tengok PDC, sebagai agensi Kerajaan Negeri, untuk berjaya, ada duit sahaja pun tidak guna, ada kebolehan sahaja pun tidak guna, kena ada budaya.

"Sebab itu saya, apabila dilantik sebagai Pengurus Besar PDC, perkara paling penting adalah saya ingin PDC kembali memainkan peranan sebenarnya GLC negeri sebagaimana tujuan asal penubuhannya sebelum ini," ulasnya.

## Dekati Denyut Nadi Rakyat

Mohd. Bazid menyatakan bahawa PDC pada era 'kegemilangan' dahulu sangat dekat dengan denyut nadi rakyat kebanyakan kerana terlibat secara langsung dalam membangunkan ekonomi rakyat.

"PDC dahulu, pemandu teksi, tukang kutip sampah apa juga kelas rakyat, semua kenal PDC.

"Beberapa tahun belakangan ini, nampak seakan kurang dikenali lagi.

"Jadi, sekarang saya nak PDC turun mendengar keluh kesah rakyat bawahan lagi, untuk kembali pada era 'kegemilangan' dahulu.

"Ingin kembali ke era 'kegemilangan' dahulu, PDC bukan sahaja perlukan kakitangan kreatif, berkebolehan serta berkeyakinan dan pelaksanaan projek pembangunan pelaburan, malah dekat dengan denyut nadi rakyat," serunya.

## PDC 'Ejen Pembangunan' Kerajaan Negeri

Dalam pada itu, Mohd. Bazid turut menjelaskan sebab PDC mengejar rekod lebihan kewangan tiap-tiap tahun.

"Saya tidak mahu kata PDC sangat mementingkan keuntungan semata-mata, tetapi kita ingin lebihan kewangan *(surplus)* supaya ia bukan untuk kami, tetapi untuk rakyat Pulau Pinang dan Kerajaan Negeri.

"Contoh Stadium Batu Kawan, PDC bina dengan kos kira-kira RM110 juta.

"Satu lagi, lebuh raya dari kompleks polis marin sehingga Batu Maung, PDC bina dengan harga lebih kurang RM90 juta.

"Maksudnya, apabila PDC berjaya mencatatkan surplus, Kerajaan dan rakyat akan dibantu melalui projek sebegini.

"Kita (PDC) bukan pemaju swasta, PDC adalah anak syarikat di bawah Kerajaan Negeri dan ada tanggungjawab sosial kepada penduduk di negeri ini," jelasnya lanjut.

Selain itu, beliau memberitahu, PDC juga memulakan kembali projek-projek pembangunan yang tertangguh dek pandemik COVID-19.

"Macam GBS (Perkhidmatan Perniagaan Global) di sebelah Kompleks PDC ini, kerja-kerja pembinaan tidak boleh terus dilaksanakan serta-merta ketika PKP ini, mesti terlebih dahulu memastikan semua pekerja di tapak pembinaan benar-benar bebas daripada wabak COVID-19.

"Impaknya, sepatutnya projek ini dijadualkan siap pada bulan April (2020), siap lebih lewat kini, sekarang dijangka siap pada Oktober," ujar beliau.

## Kesimpulan: COVID-19 Sebagai 'Peluang'

Sehingga kini, Mohd. Bazid menyatakan bahawa pihak pentadbirannya menyerap 'kerugian' bernilai kira-kira RM1.6 juta demi membela kepentingan penjaja kecil dan usahawan lokal.

"Saya sentiasa melihat cabaran (pandemik COVID-19) ini sebagai peluang.

"Apabila kita melihat Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan melancarkan pakej-pakej rangsangan ekonomi dengan memberi bantuan kepada rakyat yang terjejas, maka PDC pun turut memberi kepada kelompok rakyat yang terjejas juga.

"Pertama, kita beri Pakej Bantuan 1.0 iaitu bantuan kepada peniaga-peniaga kecil di kawasan pembangan PDC, daripada segi pengurangan kadar sewa serta penangguhan bayaran sewa.

"Kemudian, diikuti, Pakej Bantuan 2.0 melibatkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan, hampir 400 premis terlibat termasuk sektor pelancongan.

"Sekarang, kita (PDC) sedang mempertimbangkan dan mungkin akan diumumkan oleh Ketua Menteri nanti iaitu Pakej Bantuan 3.0.

"Diskaun sewa akan mengurangkan sumber PDC, begitu juga penangguhan pembayaran sewa.

"Namun, inilah nilai bantuan kepada rakyat, walaupun PDC secara langsung boleh dikatakan 'rugi' kira-kira RM1.6 juta atau mungkin lebih daripada nilai itu," jelasnya.

**HAKMILIK KEKAL**
5% DISKAUN UNTUK BUMIPUTERA

# DESA IMPIAN II
ALMA, BM



**Jenis : Rumah Sesebuah Setingkat**
Keluasan Lantai : dari 4769 kp Keluasan Binaan: 2457 kp



**Jenis : Rumah Berkembar Dua Tingkat**
Keluasan Lantai : dari 4252 kp Keluasan Binaan : 3543 kp

Pemaju

ASAS DUNIA BERHAD (94528T)

**Penang office :** Wisma Asas, No.228 Lebuh Chulia, 10200 Penang.
**Fax :** 04-2559888 **Website :** www.asasdunia.com
**Email :** enquiries@asasdunia.com **Bukit Mertajam office :** 1931 Jalan Rozhan, Taman Impian Alma, 14000 Bukit Mertajam **Fax :** 04-5881380

Sila Hubungi :
**04-5881999 / 04-2559999 / 012-4881999 / 011-10901090**



**RUMAH SESEBUAH SETINGKAT (35 UNIT)** • No Lesen Pemaju: 2687-49/01-2021/01169(L) • Tempoh sah : 22.01.2020-21.01.2021 • No Permit Iklan & Jualan: 2687-49/01-2021/01169(P) • Tempoh sah : 22.01.2020-21.01.2021 • Pihak Berkuasa berkenaan yang meluluskan pelan : Majlis Perbandaran Seberang Perai • No.Rujukan pelan bangunan. : MPSP/40/20-44/107 • Tarikh Dijangka Siap : Disember 2021 • **Harga: RM836,000 - RM1,064,270**

**RUMAH SESEBUAH SETINGKAT (16 UNIT)** • No Lesen Pemaju: 2687-59/05-2021/0405 (L) • Tempoh sah : 4.5.19-3.5.21 • No Permit Iklan & Jualan.: 2687-59/05-2021/0405 (P) • Tempoh sah : 4.5.19-3.5.21 • Pihak Berkuasa berkenaan yang meluluskan pelan : Majlis Perbandaran Seberang Perai • No Rujukan pelan : MPSP/40/20-44/137 • Tarikh Dijangka Siap : Disember 2021 • **Harga: RM843,560 - RM967,880**

**RUMAH BERKEMBAR DUA TINGKAT (18 UNIT)** • No. Lesen Pemaju: 2687-58/01-2021/86 (L) • Tempoh sah : 23.1.19-22.1.21 • No Permit Iklan & Jualan: 2687-58/01-2021/86 (P) • Tempoh sah : 23.1.19-22.1.21 • Pihak Berkuasa berkenaan yang meluluskan pelan : Majlis Perbandaran Seberang Perai • No Rujukan Pelan Bangunan: MPSP/40/20-44/137 • Tarikh Dijangka Siap : Disember 2021 • **Harga : RM990,000 - RM1,116,630**

Bebas dari Gadaian, (Iklan Ini Telah Diluluskan Oleh Jabatan Perumahan Negara)

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

**Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453**

**Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my**

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 11654
Peminjam : NORDAWAMI BIN SHAFIE - 87022307**** 910, TAMAN ROBINA, TELUK AYER TAWAR 13050 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : DANIZAM BIN SHAFIE - 79071002**** NO.910 TAMAN ROBINA, TELUK AIR TAWAR 13050 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : MOHD NOOR FITRI BIN ABDULLAH - 80073007**** A6-3-10 JALAN TUNA, SEBERANG JAYA 13700 PERAI

No Akaun : 11656
Peminjam : NADIAH IDAYU BT MD JALALUDDIN - 88032107**** M-G-3 FLAT UDA FASA 4A, TANJUNG TOKONG 10470 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : LIYANA MASTURA BINTI MD JALALUDDIN - 83061807**** NO. 8 JALAN 8/35F, TAMAN SERI BANGI, SEKSYEN 8, BANDAR BARU BANGI 43650 SELANGOR
Penjamin 2 : SAIRULDIN BIN IBRAHIM - 83060803**** NO. 8 JALAN 8/35F, TAMAN SERI BANGI, SEKSYEN 8, BANDAR BARU BANGI 43650 SELANGOR

No Akaun : 11659
Peminjam : SUKANYA A/P BASKARAN - 93080507**** 1-M, JALAN TUN MOHD SALLEH ISMAIL, BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG
Penjamin 1 : AMARAPATHY A/P ANGUSAMY - 68032407**** 1-M JALAN TUN MOHAMMED SALLEH ISMAEL, BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG
Penjamin 2 : BHAVAANI DEIVI A/P BASKARAN - 89030207**** 1-M JLN TUN MOHD SALLEH ISMAEL, BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG

No Akaun : 11665
Peminjam : SAIFOLNIZAM BIN HASHIM - 75042007**** G-UG-7 DSHIRE VILLA, SEKSYEN 4, KOTA DAMANSARA 47810 PETALING JAYA, SELANGOR
Penjamin 1 : SABARINA BINTI ABU BAKAR - 76050407**** G-UG-7 DSHIRE VILLA, SEKSYEN 4, KOTA DAMANSARA 47810 PETALING JAYA, SELANGOR
Penjamin 2 : HELMI BIN HASHIM - 85092407**** BERHAMPIRAN 318-A MUKIM 6, PONDOK UPEH, BALIK PULAU 11000 PULAU PINANG

No Akaun : 11666
Peminjam : RIDZUAN BIN RAZIME - 91040807**** 6030 PERMATANG TOK GELAM 13100 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : MAT ROSLI BIN MAT ISA - 75062202**** KAMPUNG PAYA TERENDAM 08210 SIK, KEDAH
Penjamin 2 : MOHD AZHAR BIN ZAM HASHARI - 76100614**** LOT 2988 KPG PAYA JARAS TENGAH, SUNGAI BULUH 47000 SELANGOR

No Akaun : 11667
Peminjam : AINUR NADWA BINTI AHMAD RIDZWAN - 92081607**** 1633 KAMPUNG AMAN 13220 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : AHMAD RIDZWAN BIN MOHD SALLEH - 60110507**** NO.1633 KAMPUNG AMAN 13220 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : HASNAH BINTI ABDUL HALIM - 61051502**** NO.1633 KAMPUNG AMAN 13220 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 11668
Peminjam : HENG CHOON HOW - 80041508**** 90-8-3 LORONG SEREMBAN 10150 PULAU PINANG
Penjamin 1 : CHIAM PEI SHAN - 81021007**** NO. 42 LORONG TEMBAGA 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : YAP KWAI PING - 75111214**** NO. 26 GAT LEBUH ACHEH 10300 PULAU PINANG

No Akaun : 11672
Peminjam : AMIRUL HAFIZY BIN ZAINOL - 88110907**** 528 MUKIM D, JALAN BHARU 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 1 : KHAIRUL NAZMI BIN ZAINOL - 85031907**** NO.528 MUKIM D, JALAN BHARU 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 2 : ABDUL RASHID BIN OMAR - 74110607**** NO.81 MUKIM D, JALAN BHARU 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG

No Akaun : 11679
Peminjam : PUTERI NURNABILA BINTI MEGAT HARON - 91020707**** 170-I JALAN KAMPUNG MELAYU, AIR ITAM 11500 PULAU PINANG
Penjamin 1 : MEGAT HARON BIN MEGAT HASSIM - 66011007**** 170-I JALAN KAMPUNG MELAYU 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 2 : ABDUL RAHMAN BIN ABDUL RAHIM - 74051307**** 2A-20-07 LINTANG HAJJAH REHMAH, MUTIARA HEIGHTS 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 11683
Peminjam : NOOR HUSNA BINTI MOHD SHAFIE - 91062507**** LOT 481 PLOT 1 PERMATANG PASIR 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 1 : MOHD KHAIRUL ANUAR BIN MOHD SHAFIE - 80121812**** NO.4352 JALAN PERMATANG BULUH, SIMPANG EMPAT 13210 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : ABDUL SAMAD BIN ARSHAD - 79073107**** 158 JALAN SUTERA IDAMAN 3, TAMAN SUTERA IDAMAN 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH

No Akaun : 11686
Peminjam : MASZUIN BINTI MD HATTA - 81050807**** 5-3-12 PANGSAPURI JELUTONG INDAH, LENGKOK HAJI AHMAD, JELUTONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHD SAHRUL BIN MOHD SAH - 79103001**** NO. 21-A JALAN BUKIT DUMBAR 11600 JELUTONG, PULAU PINANG
Penjamin 2 : MASZLIN BINTI MD HATTA - 80052107**** NO. 21-A JALAN BUKIT DUMBAR 11600 JELUTONG, PULAU PINANG

No Akaun : 11687
Peminjam : KHAIRULHISHAM BIN SHAMSUDDIN - 80101807**** 21 TINGKAT SIAKAP SEBELAS, SEBERANG JAYA 13700 PERAI
Penjamin 1 : HARTINI BINTI MOHD RADZI - 79050107**** NO.14 LORONG MACHANG BUBUK 4, TAMAN MACHANG BUBUK 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : JASMIN SYUHADA BINTI SHAMSUDDIN - 85060807**** NO.21 TINGKAT SIAKAP SEBELAS, SEBERANG JAYA 13700 PERAI

No Akaun : 11690
Peminjam : NORSHILA BINTI RAMLEE - 85061307**** 578 SAMA GAGAH, PERMATANG PAUH 13500 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : FAIRUL IZHAR BIN MOHD ALIAS - 81060903**** NO.578 SAMA GAGAH 13500 PERMATANG PAUH, BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : NURHAYATI BINTI MOHD YUSOF - 79070308**** 317 LORONG BERINGIN 6, TAMAN BERINGIN 09000 KULIM, KEDAH

No Akaun : 11691
Peminjam : EZZATUL AKMAL BINTI MOHD. NASIR - 88091307**** 1672 LORONG MASJID, PONGSU SERIBU 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : ZAMZURI BIN DAUD - 73050407**** NO.27 JALAN BAIDURI INDAH 1, TAMAN BAIDURI INDAH 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 2 : SAADIAH BINTI DAUD - 66062007**** NO.10389 LORONG MASJID, PONGSU SERIBU 13200 KEPALA BATAS, SPU

# COVID-19 percepat adaptasi pendigitalan

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**PADANG KOTA** – Impak COVID-19 kini memberi peluang kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk mempercepatkan proses pendigitalan perkhidmatannya selaras dengan Visi Penang2030 iaitu ke arah mewujudkan sebuah Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow ketika ditemui melahirkan rasa syukur ekoran inisiatif MBPP beberapa tahun lalu dengan memulakan proses pendigitalan perkhidmatan yang secara tidak langsung telah membawa pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan untuk lebih bersedia ketika menghadapi krisis kini.

"Sebenarnya, proses ini mengambil masa untuk diadaptasi oleh masyarakat, namun disebabkan wabak COVID-19, ia telah menjadi satu keperluan… dan saya berasa syukur dan mengucapkan tahniah kepada MBPP kerana mempunyai pandangan jauh beberapa tahun lalu dengan memulakan proses pendigitalan perkhidmatan mereka.

"Sekarang adalah masa untuk mempertingkat, meluas dan memperhebatkan lagi usaha urus tadbir pendigitalan ini supaya ia lebih memudahkan orang awam serta urusan pentadbiran tanpa memerlukan mereka (orang awam) hadir secara fizikal di pejabat MBPP yang sekaligus dapat mengurangkan keperluan kontak dan menjayakan usaha memutuskan rantaian COVID-19 secara lebih menyeluruh," ujarnya sejurus mengadakan lawatan ke Pusat Bayaran Setempat MBPP dekat Padang Kota Lama di sini 4 Jun lalu.



**KETUA Menteri bersama-sama Jagdeep Singh Deo (dua dari kanan) memerhatikan salah seorang pengguna menggunakan mesin pembayaran digital bersempena lawatannya ke Pusat Bayaran Setempat MBPP di sini baru-baru ini.**

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo; Dato' Ar. Yew Tung Seang (Datuk Bandar MBPP) dan Dato' Addnan Mohd. Razali (Setiausaha Bandaraya) antara yang turut serta pada sesi lawatan tersebut.

Terdahulu, Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi diberikan taklimat berhubung tatacara normal baharu yang diadaptasi MBPP membabitkan beberapa kategori pentadbirannya.

Beliau dan rombongan lain kemudiannya dibawa melawat ke beberapa lokasi lain bagi melihat sendiri urusan secara dalam talian *(online)* yang dijalankan, antaranya permohonan pelan pembangunan melalui sistem *Integrated Local Council Solution* (ILCS), temuduga penjaja bagi mengisi ruang niaga MBPP, perjalanan kursus untuk pengendali makanan sebelum diberikan lesen serta pembayaran bil.

Dalam pada itu, Jagdeep pada sidang media sama memaklumkan bahawa MBPP kini menerajui bidang transaksi tanpa tunai dengan mencatatkan lebih daripada 50 peratus transaksi perkhidmatan dilakukan secara dalam talian pada tahun lalu (2019).

"Tahun lalu, transaksi tanpa tunai yang dicatatkan adalah pada tahap tertinggi, yang mana membabitkan keseluruhan 741,000 transaksi dengan nilai hampir RM370 juta, 350,000 transaksi adalah tanpa tunai… ini adalah data sebelum berlakunya wabak COVID-19.

"Justeru, dengan beberapa inisiatif yang yang sedang diperkasa MBPP, saya jangkakan pada hujung tahun ini (2020), angka ini akan meningkat dengan lebih tinggi," ulasnya.



# 'Wira Oren' komited laksana amanat

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **CHAN KOK KUAN**




JAGDEEP Singh Deo (berbaju Melayu perang) dan Sr. Rozali Mohamud (barisan pertama, dua dari kanan) pada Majlis Menyantuni Petugas Barisan Hadapan MBSP dekat Depoh Taman Inderawasih di sini pada 1 Syawal baru-baru ini.

**PERAI -** 'Wira Oren' Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) yang terlibat dalam pekerjaan kotor, sukar dan bahaya (3D) melakukan kerja-kerja pembersihan sehingga jam 3 pagi pada 1 Syawal.

Mengulas lanjut, Datuk Bandar MBSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud merakamkan penghargaan kepada semua 494 kakitangan majlis yang masih bertugas pada malam Syawal demi memastikan penduduk Seberang Perai di ketiga-tiga daerah dapat meraikan Aidilfitri dalam suasana lebih nyaman, bersih, hijau serta selamat.

Mereka, menurut Rozali, adalah barisan hadapan MBSP yang terdiri oleh 434 pekerja perkhidmatan perbandaran, Jabatan Kejuruteraan (36), Direktorat Penguatkuasaan (10) dan Jabatan Pengurusan Krisis (14).

"Pada 23 Mei 2020, program MBSP memungut sampah dari rumah ke rumah, dari jam 7 pagi, setengah kakitangan mula bekerja dari jam 5 pagi, kita jangka kerja-kerja pembersihan boleh habis pada jam 10 malam.

"Tetapi, kita (MBSP) faham ada penduduk Seberang Perai terpaksa membuat kerja pembersihan rumah masing-masing pada saat akhir, selepas rondaan kakitangan di lapangan, terpaksa kita (MBSP) sambung kerja-kerja pembersihan sehingga jam 3 pagi (24 Mei 2020), untuk memastikan Seberang Perai yang berstatus bandar raya nampak bersih di semua tempat.

"Kalau kita (Jabatan Perkhidmatan Perbandaran) berhenti kerja kutip sampah pada jam 10 malam 23 Mei 2020, pada pagi 1 Syawal, mungkin kita nampak tong komunal dan RORO di tepi jalan akan dipenuhi sampah, seolah-olah Seberang Perai ini tidak bersih.

"Oleh itu, saya mengarahkan Pengarah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran supaya meneruskan operasi pembersihan dan kutip sampah walaupun kita (MBSP) terpaksa beri (tuntutan upah) kerja lebih masa kepada kakitangan kita," jelasnya pada Majlis Menyantuni Petugas Barisan Hadapan MBSP dekat Depoh Taman Inderawasih di sini 24 Mei 2020.

Menurut Rozali, jumlah sisa domestik yang dikutip bagi tempoh musim perayaan Aidilfitri pada tahun 2017 adalah sebanyak 5054.33 tan, manakala, 5378.61 tan (2018) dan 5559.28 tan (2019).

"Setiap tahun, penjanaan sisa semasa musim perayaan melihatkan peningkatan sebanyak 5 peratus.

"Apabila musim perayaan tahun ini tiada lagi aktiviti ziarah-menziarah kerana kita berada dalam tempoh PKPB (Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat), saya harap jumlah sisa sampah domestik yang dikutip akan berkurang," ujarnya sambil menyeru semua penduduk supaya mengurangkan penjanaan sampah serta mengamalkan pengasingan sisa di punca dekat rumah masing-masing.

Dalam perkembangan berkaitan, Rozali merakamkan penghargaan kepada Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo kerana menyumbang RM10,000 bagi penyediaan pek sumbangan khas kuih raya kepada kesemua anggota barisan hadapan MBSP yang bertugas pada musim perayaan.



# Balai Seni Lukis Pulau Pinang, pamer karya secara *online*

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**



YEOH Soon Hin.

**PADANG KOTA** - Kebenaran rentas negeri pada tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) diharap mampu merancakkan semula tarikan pelancong ke Balai Seni Lukis Pulau Pinang.

Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan (PETACH), Yeoh Soon Hin berkata bahawa pihaknya melalui Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang telah menyediakan prosedur operasi standard (SOP) yang perlu sebagai persediaan menyambut kunjungan pelawat ke balai berkenaan bermula 13 Jun 2020.

Menurut beliau, Balai Seni Lukis Pulau Pinang telah sedia untuk menyambut kedatangan pelawat.

"Ketika ini, hanya lapan pelawat dibenarkan masuk pada sesuatu masa dalam tempoh masa selama 30 minit.

"Selain mengehadkan jumlah pelawat pada satu tempoh masa tertentu, kanak-kanak berusia 13 tahun dan ke bawah serta warga emas (umur 60 tahun dan ke atas) adalah tidak dibenarkan lagi mengadakan lawatan atas faktor keselamatan khasnya kesihatan.

"Adalah diharapkan pembukaan berkaitan bakal menjadi salah satu tarikan kepada pelancong khususnya di bandar George Town ini," ujarnya pada sidang media selepas mengiringi Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow pada sesi lawatan dekat Balai Seni Lukis Pulau Pinang di sini pada 13 Jun lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen; Dato' Ar. Yew Tung Seang (Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang, MBPP); Haryany Mohamad (Pengarah Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang) dan Lee Khai (Pengerusi Balai Seni Lukis Pulau Pinang).

Kon Yeow dan delegasinya sebelum itu mengadakan lawatan ke Pameran Seni Lukis Belang Kempen Selamatkan Harimau Malaya di Tingkat 3 Balai Seni Lukis Pulau Pinang.

Mengulas lanjut, Soon Hin turut memaklumkan bahawa Balai Seni Lukis Pulau Pinang menjadi galeri pertama dalam negara yang mempamerkan karya secara *online*.

Ulas beliau, inisiatif tersebut diambil pihak pengurusan sejak Mei lalu sebagai inisiatif dalam memastikan orang ramai masih boleh terus 'mengunjungi' sambil menghayati keunikan karya-karya secara atas talian.



**KETUA Menteri menghayati sebuah potret Pameran Seni Lukis Belang Kempen Selamatkan Harimau Malaya di Balai Seni Lukis Pulau Pinang bersempena lawatan khas beliau baru-baru ini.**

"Kita (Pulau Pinang) bangga menjadi negeri pertama dalam negara yang melaksanakannya.

"Ia *(online)* bukan sekadar memaparkan karya untuk tontonan umum, malah pelbagai pendekatan turut diguna pakai antaranya sesi bersama-sama pelukis sebenar, temu bual serta sebagainya bagi merancakkan sektor seni dan budaya Pulau Pinang di mata luar," jelasnya.

# Rangka *Sports Master Plan*, tambah baik kemudahan sukan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BATU UBAN** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberi syor kepada Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) untuk merangka *Sports Master Plan* termasuk dalam usaha menambah baik kemudahan fasiliti sukan di negeri ini.

Menurut beliau, pelan tersebut boleh dilakukan secara bersama melalui badan Kerajaan Negeri, Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang mahupun dengan pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Sebagai peminat dan penonton sukan, saya mendapati kemudahan sukan di Pulau Pinang adalah amat kurang, kalau ada pun keadaannya kurang memuaskan.

"Tapak ini (MSNPP) pun dibangunkan secara *ad-hoc*, mungkin saya boleh cadangkan dengan Exco Belia dan Sukan, mungkin kita boleh lihat *master plan* untuk sukan.

"Daripada segi kemudahan MSNPP bersama Exco boleh merancang. Kita (Kerajaan Negeri) pun mengetahui bahawa ada banyak persaingan untuk dapatkan dana dan peruntukan, selagi tidak ada perancangan selagi tidak ada usaha untuk membida dana itu maka Kerajaan Negeri pun tidak akan tahu akan perkembangan sebenar," ulasnya terhadap Pelan Tindakan Pelaksanaan COVID-19 MSNPP untuk beroperasi sekiranya Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) ditamatkan kelak.

Kon Yeow menyatakan demikian pada lawatan ke MSNPP di sini 30 Mei lalu.

Hadir sama, Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, A. Kumaresan; Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang dan Pemangku Pengarah MSNPP, Harry Chai Heng Hua.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan bahawa pembangunan kemudahan tersebut boleh dirancang dalam tiga hingga lima tahun akan datang bersama-sama pihak berkepentingan.

"MSNPP bersama dengan Exco mungkin boleh dapat lihat pelan tiga hingga lima tahun, sedikit-sedikit melalui dana sendiri atau kerjasama menerusi 3P iaitu *private, public partnership* serta sebagainya agar kemudahan sukan dapat dipertingkatkan lagi.

"Sekarang juga ada Perbadanan Stadium dan Tanah Lapang Pulau Pinang bersama-sama PBT yang dilihat boleh menjadi rakan strategik bagi memajukan sukan di negeri ini," ujarnya yang juga ADUN Padang Kota.

Dalam perkembangan lain, Kon Yeow berharap MSNPP berada dalam keadaan siap siaga sebaik sahaja PKPB ditamatkan dengan garis panduan serta prosedur operasi standard (SOP) yang baharu.

Menyentuh mengenai penundaan Sukan Malaysia (SUKMA) ke tahun 2021, Kon Yeow berharap agar perkara tersebut tidak akan melunturkan semangat atlet ekoran melibatkan tempoh yang lama.

"Mereka tidak berlatih dan bertanding terlalu lama, jadi saya harap barisan atlet melihat penjadualan semula ini secara positif kerana mereka ada masa tambahan untuk membuat persiapan menghadapi SUKMA kelak," seru Ahli Parlimen Tanjong itu sebagai kata-kata semangat.



**KETUA Menteri bersama-sama Soon Lip Chee (dua dari kanan), A. Kumaresan (kiri sekali) dan Harry Chai Heng Hua (dua dari kiri) ketika meneliti salah satu kemudahan sukan bersempena lawatan ke MSNPP di sini baru-baru ini.**

